

**Mustaza Maah Terharu Terpilih Jadi Pengacara Pertabalan Agong
Bernama
11 April , 2012
Oleh Norfarhana Ahya Arip**

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Bekas penyampai berita radio RTM Mustaza Maah, 60, terharu apabila beliau sekali lagi diberikan tanggungjawab bersama dua lagi rakannya untuk mengacara istiadat pertabalan Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim sebagai Yang di-Pertuan Agong ke 14 hari ini.

Katanya beliau tidak menyangka walaupun telah bersara, beliau masih dijemput untuk menjadi juruacara bersama-sama Noraini Ibnu, 52, dan Sallehuddin Ramlan, 56, pada istiadat yang penuh gilang gemilang dan bersejarah ini.

Bekas Pegawai Hiburan Radio yang bersara lima tahun lepas itu memberitahu Bernama, istiadat pertabalan kali ini amat bermakna bagi dirinya kerana buat pertama kali diadakan di Istana Negara baru, dan Tuanku Abdul Halim ditabalkan buat kali kedua.

Beliau pertama kali diberi tanggungjawab mengacara pada istiadat pertabalan semasa Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh pada Julai 1980.

Mustaza berkata beliau ingatkan pertabalan Sultan Terengganu Tuanku Mizan Zainal Abidin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13 pada 26 April, 2007 merupakan kali terakhir beliau mengacara istiadat tersebut, dan tidak menyangka akan dijemput kembali mengacara pada istiadat petabalan kali ini.

"Saya bersara selepas tiga bulan menjadi juruacara pertabalan ketika pertabalan Sultan Terengganu, Tuanku Mizan Zainal Abidin, pertabalan terakhir di Istana Negara lama. Tapi kali ini, dipanggil untuk mengacara istiadat yang sama di Istana Negara baru, dan yang sangat bersejarah," katanya.

Mustaza yang mula bertugas dengan RTM pada tahun 1971 sebagai pekerja sambilan berkata "kerjaya mengacara ini memerlukan 100 peratus komitmen, dan 'zero dependence'."

"Kita sendiri kena berlatih dan fokus untuk menjayakan acara, terutama acara-acara rasmi yang melibatkan sejarah negara," katanya yang terkenal dengan pengendalian program radio "suara hati" bersama Dalia Atan pada tahun 1970-an.

Mustaza berkata setiap acara rasmi mempunyai cabaran tertentu yang memerlukan minat mendalam, kesungguhan dan tanggungjawab.

Bagi Sallehuddin pula, sebelum istiadat pertabalan hari ini, beliau pernah menjadi pengacara ketika majlis pecah tanah Istana Negara baru itu.

Beliau bagaimanapun tetap teruja diberi kepercayaan mengendalikan pengacaraan pada istiadat hari ini, kata Ketua Bahagian Rancangan Nasional FM itu.

Noraini pula berkata walaupun sudah biasa mengacara majlis rasmi, perasaan gementar masih ada dalam mengendalikan pengacaraan untuk istiadat pertabalan diraja ini kerana pengacaraan mereka adalah mengikut setiap pergerakan pemangku Datuk Maharaja Lela.

"Banyak yang kami risaukan, tapi Alhamdulillah, semua berjalan lancar," katanya yang merupakan Penyelia Saluran Klasik FM.

Noraini berkata kini sudah sampai masanya pengacara muda menonjolkan diri untuk mengacara majlis-majlis rasmi, iaitu bermula dengan latihan di majlis rasmi yang kecil-kecil.

"Untuk bagus dalam mengacara, setiap pengacara perlu menempuhi pengalaman manis dan pahit, ini adalah atas usaha sendiri untuk mereka terus maju," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658411>